



## PERKATAAN MELAYU LAMA DALAM *BUGHYAH AL-TULLAB* OLD MALAY WORDS IN THE BOOK OF *BUGHYAH AL-TULLAB*

Wan Kamal Nadzif, W.J.<sup>a\*</sup>, Arnie Adnan<sup>b</sup>, A. Irwan Santeri Doll Kawaid<sup>c</sup>, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>d</sup>, Mohd Syukri Mohd Noor<sup>e</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar  
(E-mail: wankamal@gmail.com)

<sup>b</sup>Sekolah Kebangsaan Iskandar Perdana, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
(E-mail: arnieadnan1982@gmail.com)

<sup>c</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: a.irwan@usim.edu.my)

<sup>d</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar  
(E-mail: lyusrisalleh@gmail.com)

<sup>e</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia  
(E-mail: syukri484@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author

### Article history

Received date : 1-2-2026  
Revised date : 20-2-2026  
Accepted date : 4-3-2026  
Published date : 12-3-2026

### To cite this document:

Wan Kamal Nadzif, W.J., Arnie Adnan, A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh & Mohd Syukri Mohd Noor. (2026). Perkataan Melayu Lama dalam *Bughyah Al-Tullab*. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 1-8.

---

**Abstrak:** *Kitab Bughyah al-Tullab* atau nama lainnya *Ghayat al-Tullab* dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani yang ditulis sekitar tahun 1859 iaitu di pertengahan abad ke-19. Mengikut salah satu pendapat, Syeikh Daud al-Fatani meninggal dunia pada tahun 1879 masihi bersamaan 1297 hijrah. Justeru, penggunaan perkataan dan kosa kata yang terkandung dalam kitab ini adalah cerminan kepada penggunaan istilah-istilah Melayu pada zaman tersebut. Berdasarkan kaedah kajian tekstual dan metode analisis dokumen, makalah ini mengkaji perkataan-perkataan Melayu lama yang terkandung dalam kitab ini dan mencari maksudnya berdasarkan definisi kamus kontemporari. Hasil kajian menunjukkan ada di antara perkataan ini adalah terjemahan daripada bahasa Arab yang dimelayukan dan ada yang berbentuk loghat tempatan serta sebutan orang Patani.

**Kata Kunci:** *Melayu; Syeikh Daud; Bughyah al-Tullab; perkataan; maksud.*

**Abstract:** *Bughyah al-Tullab, also known as Ghayat al-Tullab, was authored by Syeikh Daud al-Fatani and written around 1859, in the mid-nineteenth century. According to one scholarly view, Syeikh Daud al-Fatani passed away in 1879 CE (1297 AH). As such, the vocabulary and terminology employed in this work reflect the usage of Malay terms during that particular historical period. Using textual research methods and document analysis, this paper examines selected classical Malay words found in the text and analyses their meanings based on definitions provided in contemporary dictionaries. The findings indicate that some of these terms are Malay adaptations of Arabic words, while others represent local dialectal forms and pronunciations characteristic of the Patani region.*

**Keywords:** *Malay; Syeikh Daud; Bughyah al-Tullab; word; meaning.*

---

## PENGENALAN

Syeikh Daud al-Fatani lahir di Kampung Parit Sungai Kerisik, Patani. Kerisik adalah ibu kota kerajaan Islam Patani dari abad ke-13 hingga 14 Masihi. Antara kesan peninggalan Syeikh Daud yang masih ada di Patani ialah Telaga Syeikh Daud atau Telaga Dinar yang berada di Kampung Parit Sungai Kerisik. Kawasan ini dahulunya adalah bekas pondok usang tinggalan nenek moyang Syeikh Daud al-Fatani. Berhampiran dengan Telaga Syeikh Daud ini terletaknya Kebun Bunga Raja Istana Kerisik (Rashidi 2019).

Nama penuh beliau ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris bin Wan Abu Bakar bin Wan Ismail bin Wan Faqih Ali Datuk Maharaja Lela bin Mustaffa Datu Jambu (Mokhtar, 2005). Gelarannya ialah Tok Syeikh Daud atau Syeikh Daud Waliyullah atau Syeikh Daud Keramat yang masyhur dengan gelaran *al-'Allamah al-'Alim al-'Arif al-Rabbani* Syeikh Daud al-Fatani. *Al-'Alim* dan *al-'Allamah* menunjukkan keluasan ilmunya manakala *al-'Arif al-Rabbani* menunjukkan beliau seorang yang dekat dengan Allah. Ia satu bentuk penghormatan oleh guru-guru dan murid-murid yang mengiktiraf ketokohan ilmunya. Gelaran ini diberi ketika beliau dilantik menjadi seorang ulama dan penulis di kota Mekah dari perwakilan kerajaan Turki yang berpangkalan di Mekah (Adli, 2021).

## TAHUN LAHIR DAN WAFAT SYEIKH DAUD

Para penyelidik berbeza pandangan tentang tahun kelahiran Syeikh Daud dan tahun kewafatannya (Noraine, 2019). Berdasarkan kajian, terdapat dua pandangan yang masyhur tentang tahun kelahiran dan kewafatannya:

1. 1769 – 1847 bersamaan 1183 – 1263 Hijrah.
2. 1718 – 1879 bersamaan 1131 – 1297 Hijrah.

Pandangan pertama bermaksud Syeikh Daud meninggal dunia ketika umurnya 78 tahun atau 80 tahun menurut kalendar Hijrah (Mokhtar, 2005). Pandangan ini banyak dinukilkan oleh penulis tempatan termasuk ulama Patani seperti yang disebut oleh Baba Rashidi 'Abdul Rahman al-Fatani (2019). Manakala pandangan kedua, bermaksud beliau meninggal dunia ketika umurnya 161 tahun atau 166 tahun menurut kalendar Hijrah (Sharifuddin et al., 2020). Ini berdasarkan kenyataan daripada Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Sanawi dan ia turut dipegang oleh Wan Muhammad Shaghir bin Wan Abdullah (1991).

Menurut kajian oleh Mokhtar (2005), Syeikh Daud lahir pada akhir abad ke-18 yang bersamaan dengan pandangan pertama. Ini berdasarkan kitab pertama yang dikarang oleh Syeikh Daud berjudul *Idah al-Albab*. Ia dikarang pada tahun 1224 Hijrah yang menurut R.O. Windstedt ditulis sekitar tahun 1809. Andai Syeikh Daud mula menulis karya pertamanya pada umur 30-an, maka pandangan pertama lebih tepat (Mokhtar, 2005). Jika menurut pandangan kedua, Syeikh Daud mula menghasilkan karya pertama sekitar umur 80-an. Snouck Hurgronje mengatakan Syeikh Daud aktif menulis sekitar tahun 1815 – 1840, apabila namanya kerap muncul dalam katalog manuskrip Malay Batavia (Mokhtar, 2005).

Asas kedua ialah berdasarkan latar belakang Syeikh Daud dan politik di Patani ketika itu. Syeikh Daud terlibat dalam perang sabil melawan penjajah Siam yang menyerang kerajaan Patani. Peristiwa terbakarnya Istana Chabang Tiga pada tahun 1785 akibat serangan Siam menandakan Kesultanan Melayu Patani semakin melemah dan berada di bawah pengaruh Siam sepenuhnya pada 1786 (Rashidi, 2019). Syeikh Daud al-Fatani mula menuntut ilmu di Patani selama lima tahun. Rehlah ilmiah beliau bermula dengan mengembara ke Aceh dan belajar di sana selama dua tahun. Kemudian beliau berlayar ke Mekah dan berguru di sana selama 30 tahun seterusnya ke Madinah dan berguru di sana selama lima tahun. Sepanjang berada di Mekah inilah, beliau pernah kembali ke Patani untuk menyertai perang sabil dan berjihad menentang tentera Siam.

Rekod sejarah mencatatkan kebangkitan rakyat Patani menentang tentera Siam berlaku pada tahun 1791, 1808 dan 1831 (Ibrahim, 1985). Syeikh Daud akhirnya terpaksa berundur setelah kekalahan di Cenuk (Chenak). Beliau pergi ke Terengganu kemudian ke Aceh dan akhirnya ke Mekah dan menetap di Taif hingga wafat. Berdasarkan peristiwa peperangan yang berlaku dan keterlibatan beliau secara langsung, umurnya mengikut pandangan pertama lebih berasas kerana usianya yang masih muda dan kudratnya yang masih gagah.

Riwayat hidup Syeikh Daud al-Fatani sering diringkaskan seperti berikut: Patani sebagai tempat kelahirannya, Mekah sebagai tempatnya bermukim, dan Taif sebagai tempatnya dikebumikan (Mokhtar, 2005). Makam beliau berada di tanah perkuburan yang berdekatan dengan makam seorang Sahabat Nabi iaitu ‘Abdullah bin al-‘Abbas di Taif (Rashidi 2019). Menurut Noraine (2019), terdapat sumber lisan yang menyatakan jenazah Syeikh Daud dipindahkan oleh cucu saudaranya Syeikh Nik Mat Kecil ke Mekah dan ditanam di bawah pohon bidara di rumahnya akibat gerakan Wahabi yang membongkar kubur-kubur yang dikeramatkan.

Penulis cuba untuk mengharmonikan di antara kedua-dua pandangan ini dengan menyatakan pandangan pertama lebih tepat dari sudut tahun kelahiran manakala pandangan kedua lebih tepat dari sudut tahun kewafatan. Tahun kelahiran pada 1769 masihi bersamaan 1183 hijrah lebih tepat dari sudut bersamaan dengan sejarah kebangkitan rakyat Patani menentang Siam. Manakala tahun beliau meninggal dunia pada 1879 masihi bersamaan 1297 hijrah lebih tepat dari sudut penghasilan karya-karyanya di awal dan pertengahan abad ke-19. Tambahan pula terdapat rujukan manuskrip yang dikaji oleh Haji Wan Mohd Saghir di Muzium Pusat Islam menunjukkan seluruh wilayah Patani pernah mengadakan sembahyang jenazah ghaib untuk Syeikh Daud al-Fatani pada tahun 1297 hijrah (Sharifuddin et al., 2020). Umur yang lebih pertengahan untuk seseorang insan iaitu 110 tahun lebih sesuai dengan pemilihan tahun ini iaitu lahir pada 1769 dan wafat pada tahun 1879.

## PERKATAAN MELAYU LAMA DALAM *BUGHYAH AL-TULLAB*

### Perkataan “Tenggalung” (تغزلوغ)

Syeikh Daud menyebut perkataan ini dalam Jilid Pertama, Kitab Taharah, halaman manuskrip 208 ketika membincangkan tentang bahagian haiwan yang terputus atau gugur daripadanya. Kata beliau: “Faedah. Bermula suku haiwan yang bercerai ia daripadanya pada ketika hidup iaitu seperti bangkainya pada sucinya dan najisnya” (Daud al-Fatani 1274H).

Pengecualian diberikan kepada haiwan yang mengeluarkan minyak kasturi berdasarkan hadis riwayat Muslim bahawa sebaik-baik haruman adalah kasturi. Dalam kitab-kitab Arab, contoh-contoh yang diberikan adalah tentang haiwan yang berada di sana seperti rusa dan kijang. Ini kerana darah yang terkumpul pada bahagian rusa atau kijang ini akan membengkak yang membawa kepada gugurnya gumpalan tersebut. Ulama berpandangan haruman yang asalnya darah adalah halal lagi bersih kerana telah berlaku proses *istihalah* iaitu pertukaran zat dari najis kepada suci.

Dalam *Bughyah al-Tullab*, Syeikh Daud telah memberi contoh lain iaitu seekor haiwan yang bernama tenggalung bagi membincangkan hukum ini. Kata beliau: “Dan demikian lagi suci jebat yang diambil daripada peluh tenggalung darat dan dimaafkan bulunya jika sedikit yang lekat pada jebatnya kira-kira tiga helai atau kurang” (Daud al-Fatani 1274H). Menurut Kamus DBP, tenggalung bermaksud sejenis musang. Musang tenggalung ini nama saintifiknya ialah *Viverra zangalung* atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *Malayan civet*. Kebijakan Syeikh Daud membawa contoh yang praktikal di Alam Melayu memudahkan pemahaman masyarakat setempat terhadap hukum kerana tenggalung ini dipanggil juga dengan nama musang jebat atau musang kesturi. Musang jebat terkenal sebagai seekor haiwan yang menghasilkan kesturi.



**Rajah 1: Tenggalung (Sumber: Wikipedia)**

Kemasyhuran tenggalung ini hingga ia disebut oleh Yaqut al-Hamawi, seorang ahli geografi dari abad ke-12. Dalam bukunya berjudul *Mu‘jam al-Buldan* iaitu buku yang menghimpunkan nama-nama negara, beliau ada merekodkan satu wilayah bernama Zabaj. Kata beliau:

“Ia (negeri ini) sebuah kepulauan yang terletak di penghujung Benua India, di balik belakang Laut Harkand dan di sempadan negara China. Pandangan lain mengatakan (Zabaj ini) ia adalah negeri Zanaj. Rakyat negeri ini menyerupai anak Adam (seperti manusia juga) melainkan perangai mereka ini lebih liar dan ganas. Dan di dalamnya (negeri ini) terdapat makhluk nasnas yang mempunyai sayap

seperti sayap kelawar. Dan ada diceritakan tentangnya (negeri ini) pelbagai keajaiban seperti yang dinukilkan oleh ramai pengarang dalam buku mereka. Di sana terdapat tikus kasturi dan haiwan zabad, sejenis binatang yang menyerupai kucing, daripadanya diperoleh zabad. Apa yang disampaikan kepadaku daripada para pengembara ke kawasan itu ialah bahawa zabad itu adalah peluh seekor binatang, apabila panas menyelubunginya, ia mengeluarkan peluh zabad, lalu dikikis dengan pisau. Dan Allah lebih mengetahui.”

Berdasarkan kajian Nadzif (2022), Zabaj merujuk kepada wilayah Alam Melayu kerana Mamlakah Zabaj adalah terjemahan Arab bagi kerajaan Srivijaya. *Nasnas* ialah istilah dalam teks Arab klasik yang merujuk kepada sejenis makhluk separa manusia dalam cerita-cerita lama. *Zabad* di sini merujuk kepada bahan wangi (*civet*) yang dihasilkan daripada kelenjar haiwan dan digunakan dalam pembuatan minyak wangi sejak zaman dahulu. Kemungkinan besar ia merujuk kepada musang kesturi atau musang jebat. Penulis mengandaikan *zabad* yang disebut dalam istilah Arab adalah korupsi daripada perkataan “jebat” kerana Syeikh Daud sememangnya ada menggunakan perkataan jebat bagi merujuk makna haruman wangi manakala kamus DBP turut memberi maksud jebat dengan makna kesturi. Manakala istilah “zabad” dalam bahasa Arab telah dimelayukan kerana menurut Kamus DBP, ia bermaksud sejenis musang. Ini selaras dengan rekod Yaqut al-Hamawi kerana saiz tenggalung ia sebesar kucing dan boleh menghasilkan haruman wangi kasturi.

### Perkataan “Kunji” (کنجي)

Syeikh Daud menyebut perkataan ini dalam Jilid Kedua, Kitab Solat, halaman manuskrip 681 ketika membincangkan tentang hukum sunat menaruh ekor serban. Kata beliau: “Dan sunat menaruh kunji dan ditaruh akan dia di belakang kerana mengikut bagi Nabi SAW dan tiada makruh meninggalkan dia dan mengiringi dia ditaruh kunji itu pada pihak kanan” (Daud al-Fatani 1274H).

Menurut Haji Wan Mohd Shaghbir (2025), “kunji” adalah perkataan nadir yang jarang digunakan dalam percakapan dan penulisan. Ia bermaksud ekor serban kerana apabila seseorang memakai serban, biasanya dilebihkan berekor menjulur di belakang. Perkataan kunji tidak dijumpai dalam Kamus DBP yang berkemungkinan ia adalah loghat tempatan Patani atau orang Melayu pada zaman itu.

Kadar panjang kunji atau ekor serban yang sepatutnya menurut Syeikh Daud adalah di antara empat jari hingga satu hasta sahaja. Ekor serban yang dipanjangkan melebihi daripada sehasta hukumannya makruh kerana Nabi menasihatkan supaya ekor serban jangan dipanjangkan, hanya sekadar satu hasta atau kurang. Namun hukumannya berubah menjadi haram jika pemakainya memanjangkan kunji dengan niat menunjuk-nunjuk dan riyak. Kata beliau: “Dan panjang kunji itu empat jari dan yang terlebih banyak yang diwarid (dinukil) daripada Nabi, satu hasta. Dan di antara keduanya sejengkal, dan makruh memanjangkan dia dan haram melebihi panjang dengan *khuyala*’ (خَيْلَاء)” (Daud al-Fatani 1274H).

Penulis telah merujuk kamus jawi lama dan tidak menjumpai perkataan ini dalam kamus *A Malay English Dictionary* oleh R.J. Wilkinson yang diterbitkan pada tahun 1901. Melalui kajian manuskrip Melayu, istilah-istilah Melayu lama seperti ini dapat dihidupkan kembali dengan mencari maksud asal dan penggunaan perkataan ini oleh pengarang. Dicadangkan perkataan dan istilah nadir sebegini dimasukkan dalam kosa kata kamus DBP kerana ia pernah digunakan oleh orang Melayu pada zaman dahulu.

## Perkataan “Ugahari” (اضهار)

Kamus DBP memberikan makna ugahari dengan maksud sederhana, sedang dan pertengahan. Dalam *Bughyah al-Tullab*, Jilid Dua, Kitab Solat, Syeikh Daud menggunakan perkataan ini pada lima tempat. Pertama “upah yang ughahari” yang bermaksud upah yang seumpama dan sebanding sebagai terjemahan kepada istilah Arab *ujrah al-mithli*. Kedua ialah “hal yang ugahari” bermaksud keadaan yang pertengahan ketika membincangkan solat Asar yang merupakan solat pertengahan (*wusta*) kerana menghubungkan di antara solat siang (Subuh dan Zuhur) dengan solat malam (Maghrib dan Isyak). Ketiga, Syeikh Daud gunakan dengan maksud upah yang setimpal. Katanya: “Dan setengah daripadanya orang buta yang tiada dapat orang yang menuntun dia jikalau dengan upah yang ugahari” (Daud al-Fatani 1274H).

Keempat, ketika membincangkan syarat qasar iaitu perjalanan yang memakan masa dua hari atau dua malam atau sehari semalam yang ughahari iaitu pertengahan. Ini sesuai dengan keadaan musafir pada zaman tersebut kerana untuk mencapai dua marhalah atau lebih, biasanya memakan masa dua hari atau sehari semalam yang pertengahan. Ia merujuk kepada keperluan safar yang melibatkan naik turun haiwan tunggangan, berhenti untuk makan dan solat serta memunggah barang. Katanya: “Adapun syarat qasar iaitu jauh perjalanannya iaitu perjalanan dua hari atau dua malam atau sehari semalam yang ugahari keduanya serta beradat turun naik daripada kenderaan dan berhenti kerana makan dan sembahyang dan barang sebagainya iaitulah perjalanan dua marhalah pada tanggungan yang berat-berat.”

Perkataan kelima ialah “*sya'ir* yang ugahari” bermaksud biji barli yang sederhana, sedang dan pertengahan. Iaitu biji barli yang tidak terlalu kecil dan tidak juga terlalu besar, kata Syeikh Daud (1274H):

“Dan jika dibilang dua marhalah itu dengan barid (بريد) maka iaitu empat barid, dan jika dibilang dengan farsakh (فرسخ) maka iaitu enam belas farsakh, jika dibilang dengan mil, (batu) maka iaitu empat puluh delapan mil. Maka perjalanan yang satu barid itu empat farsakh, dan yang satu farsakh itu tiga mil. Dan yang satu mil itu enam ribu hasta, dan satu hasta itu dua puluh empat jari lintang. Dan yang sejari itu enam biji *sya'ir* (شعير) lintangnya dengan *sya'ir* yang ugahari, dan sebiji *sya'ir* itu enam lebar rambut kuda pada hal lintangnya. Dan perjalanan laut seperti darat jua hukumnya segala yang tersebut itu.”

Ini berkaitan jarak perbahasan dua marhalah mengikut ukuran-ukuran tertentu pada zaman dahulu. Jika pada zaman ini, satu marhalah bersamaan 45 km. Maka jarak dua marhalah ialah 90 km walaupun ada pandangan lain seperti 81 km. Ukuran dua marhalah pada zaman dahulu bersamaan empat *barid* atau 16 farsakh atau 48 batu.

Perbahasan diteruskan dengan menggunakan ukuran *barid* dan farsakh. Satu *barid* bersamaan empat farsakh manakala satu farsakh bersamaan tiga batu. Perbahasan dilanjutkan kepada ukuran batu dan hasta. Satu batu pula bersamaan 6,000 hasta manakala satu hasta bersamaan 24 jari secara melintang. Perbahasan diakhiri dengan ukuran jari dan *sya'ir*. Iaitu satu jari itu bersamaan enam biji barli manakala sebiji barli itu ialah enam lebar bulu rambut kuda secara melintang. Ini menjelaskan kepada kita ukuran yang digunakan pada abad ke-19 dan sebelum itu yang menjadikan unsur alam seperti jari, biji barli dan bulu rambut kuda sebagai alat ukur. Penulis ringkaskan kaedah ukuran pada zaman tersebut seperti jadual di bawah.

**Jadual 1: (Kaedah Ukuran Zaman Dahulu)**

Marhalah	Barid	Farsakh	Mil	Hasta	Jari	Sya'ir	Rambut
2 marhalah	4 barid	16 farsakh	48 batu				
1 marhalah	2 barid	8 farsakh	24 batu				
	1 barid	4 farsakh	12 batu				
		1 farsakh	3 batu				
			1 batu	6,000 hasta			
				1 hasta	24 jari		
					1 jari	6 biji barli	
						1 biji barli	6 rambut kuda

Sumber: (Manuskrip *Bughyah al-Tullab*, Jilid 2, Kitab Solat, Halaman 562)

## KESIMPULAN

Ketokohan Syeikh Daud al-Fatani tidak hanya terserlah melalui kewibawaan ilmunya, tetapi juga melalui sumbangan linguistik beliau dalam memperkaya khazanah bahasa Melayu klasik. *Bughyat al-Tullab* menjadi bukti bahawa bahasa Melayu lama berperanan sebagai wahana ilmu yang berautoriti dan berupaya menyampaikan perbincangan hukum secara mendalam serta berkesan dalam konteks masyarakat Melayu-Islam pada zamannya.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil kajian yang dijalankan melalui siri Penerbitan Edisi Karya Agung, Yayasan Karyawan: (BILANGAN 63/2025), bertajuk “Bughyat al-Tullab”.

## RUJUKAN

- Adli Yaacob. (2021). Syeikh Daud Bin Abdullah Bin Idris Al Fatani: Tokoh ulama nusantara abad ke 19: Riwayat hidup dan peranannya dalam bidang Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(16), 107-128.
- Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud & Mohd Hafiz Jamaludin. (2023). On the question of kitab jawi's originality: Analysis on al-Fatani's Nahj Al-Raghibin on essentials of sale contract. *Jurnal AFKAR*, 25(1), 1-42.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha, Abdul Karim Ali & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2018). Sheikh Daud al-Fatani as scholar in Malay archipelago: Overview on his writings. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(29), 332-337.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha, Abdul Karim Ali, Nur Zainatul Nadra Zainol & Intan Farhana Saparudin. (2020). Tokoh ulama nusantara: Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani (1769-1847m) dalam Fiqh al-Shafie. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 1(2), 92-100.
- Che'Razi Jusoh. (2017). Creativity in Malay commentary works: A special reference to Shaykh Dawud al-Fatani's Ward al-Zawāhir. *Journal of Islam in Asia*, 14(3), Special Issue Islam and Creativity, 341-365.

- Daud Abdullah al-Fatani. (1274H). *Ghayat al-Tullab*. MS. Perpustakaan Nasional Indonesia.
- Ibrahim Syukri. (1985). *History of the Malay Kingdom of Patani*. Ohio University.
- Joni Tamkin Borhan. (2002). Beberapa aspek pemikiran Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam perbankan Islam : Tumpuan kepada Furu' al-Masail. *Jurnal AFKAR*, 3(1), 195-211.
- Kamus Dewan. (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid (pnyt.). (2012). *Warisan hadis ulama Nusantara*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zohdi Mohd Amin & A. Irwan Santeri Doll Kawaid. (2022). *Hadith mawdu' dalam Kitab Bughyah Al-Tullab karangan Sheikh Daud Al-Fatani (Juzuk 1): Satu kajian semula* dalam The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022), 446-454.
- Mohd Aizul bin Yaakob. (2022). Analysis of narrations on the virtues of hijri months in Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id by Shaykh Dawud al-Fatani. *al-Burhān Journal of Qur'ān and Sunnah Studies*, 6(Spec. Issue 1), 15-26.
- Mohd Mokhtar Shafii (pnyt.). (2005). *Sheikh Daud Al-Fatani: His life history and works*. Monograf 6. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Mohd Muhiden Abd Rahman. (2017). *Fiqh al-Hadith Syarah Bulugh al-Maram: Taharah*. Hazrah Enterprise.
- Noraine Abu. (2019). *Munyatul Musalli Idaman Orang Yang Solat*. Al-Hidayah Publication.
- Rasyidi Abdul Rahman. (2019). *'Umdah al-Ahbab fi Tahqiq Bughyat al-Tullab* (jld. 1). Pondok Tepus.
- Wan Kamal Nadzif Wan Jamil, Ahmad Sa'aduddin Wahab, Norazmi Anas, Mohd syukri Mohd Noor & Ajidar Matsyah. (2022). Kerajaan Srivijaya dan Mamlakah Zabaj menurut kitab turath Arab. *Jurnal Kajian Ketamadunan (JAWHAR)*, 18, 91-118.
- Wan Muhammad Shaghir Wan Abdullah. (1991). *Sejarah ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan karya-karyanya*. Seminar Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Kali Keempat: Syeikh Daud al-Fatani, Kuala Lumpur, Malaysia.